

03/02/2001

Taman Wetland bersih air ke tasik

PUTRAJAYA, Jumaat - Taman Wetland Putrajaya seluas 650 hektar yang dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berperanan sebagai pembersihan air yang mengalir ke Tasik Putrajaya.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata taman itu berfungsi sebagai penapis akan memerangkap bahan pepejal terampai serta menyerap bahan toksik dan nutrien yang berlebihan.

"Dengan itu, mutu air Tasik Putrajaya dapat dikekalkan pada tahap sesuai untuk rekreasi air dan mandi-manda," katanya ketika berucap di perasmian Taman Wetland oleh Perdana Menteri hari ini.

Azizan berkata, untuk berfungsi sebagai penapis air semula jadi, Wetland Putrajaya, ditanam dengan 12 juta pokok daripada lebih 70 spesis tumbuhan tanah lembab secara berperingkat.

Sebahagian kawasan Taman Wetland Putrajaya ialah buatan manusia yang pertama di Malaysia dengan mengepam Sungai Chuau dan Sungai Bisa.

Azizan berkata, pembinaan taman berkenaan diharap dapat menyumbang ke arah meningkatkan perasaan cinta penduduk Putrajaya dan pelawat terhadap alam sekitar.

Beliau berkata, pelbagai kemudahan disediakan bagi pengunjung, termasuk Pusat Penghayatan Alam yang menampilkan satu pameran komprehensif mengenai tanah lembab.

"Kami berharap orang ramai akan mengguna kemudahan ini sepenuhnya dan membantu kami dalam membangun dan memulihara taman ini untuk dijadikan warisan kepada generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sedang berusaha memperkembangkan Taman Wetland sebagai pusat rujukan mengenai ekosistem tanah lembab dan pertaliannya dengan keadaan serta kegiatan di kawasan sekeliling.

(END)